



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODIFIKASI
MODUL OPERASI PENGEMASAN (*MakeUpBed*)
DALAM KALANGAN MURID BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PEMBELAJARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI MASLINA BINTI AHAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODIFIKASI MODUL OPERASI
PENGEMASAN (*MakeUpBed*) DALAM KALANGAN
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS
MASALAH PEMBELAJARAN

SITI MASLINA BINTI AHAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..(2....(hari bulan).....5..... (bulan) 2020....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI MASUMA BINTI AHAD, M20171000789, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODIFIKASI MODUL OPERASI PENGEMASAN (MakeUpBed) DALAM KALANGAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NOOR AINI AHMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODIFIKASI MODUL OPERASI PENGEMASAN (MakeUpBed) DALAM KALANGAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12-5-2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODIFIKASI MODUL OPERASI
PENGEMASAN (makeup bed) DALAM KALANGAN MURID
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

No. Matrik / Matric's No.:

M20171000789

Saya / I:

SITI MASLIHA BINTI AHAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 19-6-2020
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasmi Nama & Official Stamp)

Pensyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Khas
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi bertajuk Pembinaan dan Pengujian Modul Modifikasi Operasi Pengemasan (*MakeUpBed*) dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran berjaya disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia akademik saya iaitu Profesor Madya Dr. Noor Aini binti Ahmad yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan, motivasi dan nasihat yang sangat berguna sepanjang perjuangan menyediakan disertasi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana meluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa kepada saya. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia, Pegawai di Bahagian Pendidikan Khas, KPM, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, SMPK Vokasional Shah Alam, SMPK Vokasional Merbuk dan SMPK Vokasional Indahpura serta semua yang telah terlibat di dalam penyelidikan ini. Tidak pernah dilupakan kedua ibu bapa tersayang iaitu Encik Ahad bin Haji Yusof dan Puan Zaharah binti Haji Ahmad. Sekalung budi diucapkan kepada suami saya, iaitu Encik Azman bin Mohamed yang sentiasa memberi sokongan dari segala aspek dan kata-kata semangat sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada rakan yang sentiasa bersama sepanjang perjuangan disertasi disiapkan. Semoga kajian yang dijalankan dapat memberi impak yang tidak sedikit kepada kita dan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dan kuasi eksperimental ini bertujuan untuk membina dan menguji modifikasi Modul Operasi Pengemasan (*MakeUpBed*) dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (MBPK MP). Kajian ini melibatkan 55 orang responden iaitu 34 orang guru pendidikan khas yang dipilih secara persampelan bertujuan bagi menjawab soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, lima orang pakar sebagai penilai kesahan modul dan 16 orang MBPK MP untuk menjawab ujian pra dan pasca. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik tinjauan keperluan modifikasi modul, borang penilaian kesahan modul serta ujian pra dan pasca. Rawatan dijalankan selama 12 minggu di mana kumpulan rawatan ($n=8$) diajar menggunakan modul yang dibina iaitu Modul *MakeUpBed*. Modul dibina berdasarkan aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dan model gaya pembelajaran Visual, Auditori dan Kinestatik. Modul *MakeUpBed* mengandungi empat submodul iaitu mengenali katil, mengenali linen, penjagaan linen dan mari mengemas katil tetamu. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Keberkesanan modul diuji melalui ujian nonparametrik *Wilcoxon Signed Rank Test*. Analisis keperluan modul menunjukkan responden bersetuju untuk memodifikasi modul asal dengan nilai ($M=4.73$; $SP=0.79$). Nilai kesahan pakar bagi kandungan modul ialah 90.6 peratus manakala nilai *Cronbach Alpha* bagi kebolehpercayaan instrumen ialah $\alpha=.834$. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu kumpulan rawatan ($M=15.75$; $SP=1.58$) berbanding kumpulan kawalan ($M=9.38$; $SP=1.06$) dengan nilai $z=0.03$, $p<0.05$. Dapatan juga menunjukkan sampel dalam kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan pencapaian yang tinggi selepas menggunakan teknik pengajaran berbantuan Modul *MakeUpBed* dengan nilai $z=0.02$, $p<0.05$. Kesimpulannya, Modul *MakeUpBed* berjaya meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu bagi kumpulan rawatan. Implikasi modul ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP.



DEVELOPMENT AND EVALUATION HOUSEKEEPING OPERATIONS MODIFICATION MODULE (MakeUpBed) AMONG PUPILS WITH LEARNING DISABILITIES

ABSTRACT

This quantitative study are using survey and quasi-experimental methods aims to develop and test modification of Housekeeping Operations Module (MakeUpBed) on making guest bed skills among pupils with learning disabilities (MBPK MP). This study involved 55 participants using purposive sampling method, which are 34 special education teachers who answer needs analysis survey questionnaire, five module experts and 16 MBPK MP to answer pre and post tests. The research instruments used were need analysis survey questionnaire, module validity assessment and pre and post-test. The treatment was conducted for 12 weeks where treatment group (n=8) was taught using MakeUpBed Module. This modules was built according to Multiple Intelligence Theory as well as Visual, Auditory and Kinestatic learning style models. This module consists of four submodules namely recognize the bed, recognize linen, linen care and let's make up guest bed. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. Module effectiveness was tested through nonparametric Wilcoxon Signed Rank Test. Module needs analysis showed that respondents agreed to modify the original module by value (M=4.73; SP = 0.79). The expert validity of the MakeUpBed Module was 90.6 percent. Cronbach's alpha analysis of module reliability was $\alpha=.834$. The findings showed that there was a significant improvement in post test of treatment group (M= 15.75; SP=1.58) compared to the control group (M=9.38; SP=1.06) with $z = 0.03$ value, $p<0.05$. Samples from treatment group also had a significant improvement after being exposed using teaching technique from MakeUpBed Module with a value of $z=0.02$, $p<0.05$. In conclusion, the MakeUpBed Module has successfully enhanced guest bed making skills for treatment group. The Implication of this module are expected to contribute in improvement of guest bed making skills among MBPK MP.

KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.4.1 Objektif Kajian	11
1.4.2 Persoalan Kajian	12
1.4.3 Hipotesis Kajian	12
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	13

1.5.1	Teori Pelbagai Kecerdasan	15
1.5.2	Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestatik (V.A.K)	16
1.5.3	Modul Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012)	17
1.5.4	Modul Reka bentuk Instruksional ADDIE	18
1.6	Definisi Operasional	21
1.6.1	Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu	21
1.6.2	Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012)	22
1.6.3	Modul <i>MakeUpBed</i>	23
1.6.4	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	23
1.7	Batasan Kajian	24
1.7.1	Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu	24
1.7.2	Kandungan Modul	25
1.7.3	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	26
1.7.4	Penggunaan Elemen Multimedia Interaktif	27
1.8	Kepentingan Kajian	27
1.8.1	Kepentingan Terhadap KPM, BP KHAS, JPN dan PPD	27
1.8.2	Kepentingan Terhadap Pihak Sekolah dan Guru	28
1.8.3	Kepentingan Terhadap Ibu Bapa dan Murid	29
1.9	Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Teori Kecerdasan Pelbagai	32
2.3	Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (V.A.K)	34
2.4	Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE	36
2.5	Sejarah Pendidikan Khas	38
2.6	Pendidikan Vokasional untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	41
2.6.1	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	44
2.6.2	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/ <i>National Occupational Skill Standard</i> (NOSS)	45
2.7	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	47
2.7.1	Tahap Tumpuan Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran	48
2.8	Elemen Multimedia	50
2.9	Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu	52
2.10	Analisis Keperluan Modul	54
2.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul	56
2.12	Keberkesanan Modul	58
2.13	Rumusan	59

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Tinjauan Semasa Fasa Pembinaan Modul	62

3.2.2	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Semasa Fasa Pengujian Modul	63
3.3	Sampel Kajian	64
3.4	Lokasi Kajian	67
3.5	Instrumen Kajian	68
3.5.1	Instrumen Fasa Pembinaan Modul	68
3.5.1.1	Instrumen Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	69
3.5.1.2	Borang Penilaian Kesahan Modul	73
3.5.2	Instrumen Fasa Pengujian Modul	75
3.5.2.1	Penilaian Kemahiran Mengemas Katil Tetamu (Ujian Pra dan Ujian Pasca)	75
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	77
3.5.3.1	Instrumen Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	78
3.5.3.2	Instrumen Penilaian Kesahan Modul	83
3.5.3.3	Instrumen Penilaian Kebolehpercayaan Modul	84
3.5.3.4	Penilaian Kebolehpercayaan Modul	85
3.5.3.5	Instrumen Penilaian Kemahiran Mengemas Katil (Ujian Pra dan Ujian Pasca)	89
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	89
3.6.1	Pengumpulan Data Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	91
3.6.2	Pengumpulan Data Kesahan Modul <i>MakeUpBed</i>	92
3.6.3	Pengumpulan Data Kajian Rintis Kebolehpercayaan dan Keberkesanan Modul <i>MakeUpBed</i>	93

3.6.4	Proses Pengumpulan Data Kajian Kuasi Eksperimental	94
3.7	Prosedur Penganalisisan Data	95
3.7.1	Analisis Statistik Deskriptif	95
3.7.2	Analisis Statistik Inferens	97
3.7.3	Rumusan Analisis Data	97
3.8	Modul Pengajaran <i>MakeUpBed</i>	99
3.9	Rumusan	111
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	112
4.2	Maklumat Demografi	113
4.3	Tahap Keperluan Memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK BP	120
4.3.1	Bahagian B: Isu dan Permasalahan Sedia Ada	121
4.3.2	Bahagian C: Penilaian Modifikasi Kandungan	124
4.3.3	Bahagian D: Reka Bentuk Modul	126
4.3.4	Bahagian E: Cadangan	128
4.4	Tahap Kesahan Modul <i>Makeupbed</i> bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK BP	130
4.4.1	Analisis Peratusan Nilai Kesahan Pakar	131
4.4.2	Analisis Komen Pakar	134
4.5	Tahap Kebolehpercayaan Modul <i>MakeUpBed</i> bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Bilik Tetamu dalam Kalangan MBPK BP	136
4.5.1	Analisis Tahap Kebolehpercayaan Modul <i>MakeUpBed</i> Menggunakan <i>Cronbach Alpha</i>	137

4.6	Tahap Keberkesanan Modul <i>MakeUpBed</i> Bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu dalam Kalangan MBPK MP	140
4.6.1	Analisis Deskriptif Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca	141
4.6.1.1	Hipotesis H_01 : Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan dalam Ujian Pra Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	142
4.6.1.2	Hipotesis H_02 : Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan dalam Ujian Pasca Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Antara Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	143
4.6.1.3	Hipotesis H_03 : Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan Antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Kumpulan Rawatan	144
4.6.1.4	Hipotesis H_04 : Tidak Terdapat Perbezaan Skor yang Signifikan Antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Kumpulan Kawalan	145
4.7	Rumusan	146

BAB LIMA PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	150
5.2	Ringkasan Kajian	151
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	152
5.3.1	Tahap Keperluan Memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu Dalam Kalangan MBPK MP	152

5.3.2	Tahap Kesahan Modul <i>MakeUpBed</i> bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu dalam Kalangan MBPK MP	154
5.3.3	Tahap Kebolehpercayaan Modul <i>MakeUpBed</i> bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu dalam Kalangan MBPK MP	156
5.3.4	Tahap Keberkesanan Modul <i>MakeUpBed</i> bagi Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu dalam Kalangan MBPK MP	157
5.4	Implikasi Teori	159
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	161
5.6	Rumusan	162
	Rujukan	164

Lampiran

Lampiran A:	Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul
Lampiran B:	Surat Perlantikan Sebagai Pakar Kesahan Instrumen (Modul <i>MakeUpBed</i>)
Lampiran C:	Instrumen Borang Penilaian Kesahan Modul
Lampiran D:	Modul <i>MakeUpBed</i>
Lampiran E:	Instrumen Borang Penilaian Kebolehpercayaan Modul
Lampiran F:	Instrumen Ujian Pra dan Ujian Pasca
Lampiran G:	Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan bagi Menjalankan Kajian di Sekolah, Institusi Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
Lampiran H:	Surat Pengesahan Pelajar untuk Menjalankan Penyelidikan
Lampiran I:	Surat Kelulusan dari Bahagian Pendidikan Khas bagi Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional



SENARAI JADUAL

No. Jadual

1.1	Reka Bentuk Modul Berdasarkan Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE	19
3.1	Proses Kajian Tinjauan	63
3.2	Reka Bentuk Kuasi Eksperimental	64
3.3	Sampel Kajian	65
3.4	Lokasi Kajian	67
3.5	Item Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	70
3.6	Item Penilaian Kesahan Modul	73
3.7	Kedudukan Soalan Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Setiap Sub Modul di dalam Modul <i>MakeUpBed</i>	77
3.8	Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka bagi Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modul	79
3.9	Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	80
3.10	Analisis <i>Cronbach Alpha</i> bagi Item Soal Selidik Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	81
3.11	Interpretasi Skor Min dan Tahap Keperluan Modifikasi Modul <i>MakeUpBed</i>	83
3.12	Interpretasi skor min dan tahap kebolehpercayaan modul	85
3.13	Item Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul	87
3.14	Rumusan Analisis Data Mengikut Persoalan Kajian	99



3.15	Draf Isi Kandungan dan Reka Bentuk Modul <i>MakeUpBed</i>	101
3.16	Kuiz di dalam Modul <i>MakeUpBed</i>	102
3.17	Pelaksanaan kajian rintis dan kuasi eksperimental	107
3.18	Isi Kandungan Sub Modul Bagi Buku Panduan Guru Modul <i>MakeUpBed</i>	109
3.19	Isi Kandungan Buku Tugas Murid	110
4.1	Analisis Maklumat Demografi Responden Modul <i>MakeUpBed</i>	116
4.2	Analisis Bahagian B: Isu dan Permasalahan Sedia Ada	123
4.3	Analisis Bahagian C: Penilaian Modifikasi Kandungan Modul	125
4.4	Analisis Bahagian D: Analisis Reka Bentuk	128
4.5	Analisis Cadangan yang Telah Dikemukakan oleh Responden Tinjauan Keperluan Modifikasi Modul	130
4.6	Peratusan Nilai Kesahan Pakar	133
4.7	Analisis Komen dan Pandangan Pakar	135
4.8	Analisis Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Kebolehpercayaan Modul <i>MakeUpBed</i>	137
4.9	Analisis <i>Cronbach Alpha</i> bagi Item Penilaian Kebolehpercayaan Modul <i>MakeUpBed</i>	139
4.10	Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan Serta Kumpulan Kawalan	142
4.11	Perbezaan Skor Ujian Pra Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	143
4.12	Perbezaan Skor Ujian Pasca Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	144
4.13	Perbezaan Skor Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	145
4.14	Perbezaan Skor Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	146
4.15	Ringkasan Dapatan Kajian	147

SENARAI RAJAH

No. Rajah

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1	Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE	38
3.1	Pemetaan kandungan modul <i>MakeUpBed</i>	104
3.2	Antara Muka Utama Kuiz Interaktif	105
3.3	Antara Muka Kuiz Interaktif bagi Jawapan Betul	106
3.4	Antara Muka Kuiz Interaktif bagi Jawapan Salah	106
4.1	Analisis Tempat Bertugas bagi Responden Kajian Keperluan Memodifikasi Modul	118
4.2	Analisis Jantina Responden bagi Tinjauan Keperluan Memodifikasi Modul Asal	119
4.3	Analisis Kursus Asas Pendidikan Khas bagi Responden Kajian Tinjauan Keperluan Memodifikasi Modul Asal	119
4.4	Analisis Tempoh Pengalaman Mengajar bagi Responden	120
4.5	Analisis Penilaian Modifikasi Modul	126

SENARAI SINGKATAN

MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBPK MP	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
NCLB	<i>No Child Left Behind</i>
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BP KHAS	Bahagian Pendidikan Khas
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
WIM	<i>Written Instructional Materials</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
VAK	Visual/Auditori/Kinestatik
ADDIE	<i>Analysis, Design, Develop, Implementation and Evaluation</i>
WA	Aktiviti Kerja
CU	Kompetensi Unit
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
ADHD	<i>Attention Defisit Hyperactivity Disorder</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik Keperluan Modifikasi Modul
- B Surat Perlantikan Sebagai Pakar Kesahan Instrumen (Modul *MakeUpBed*)
- C Instrumen Penilaian Kesahan Modul
- D Modul *MakeUpBed*
- E Penilaian Kebolehpercayaan Modul
- F Instrumen Ujian Pra dan Ujian Pasca
- G Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan bagi Menjalankan Kajian di Sekolah, Institusi Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- H Surat Pengesahan Pelajar untuk Menjalankan Penyelidikan
- I Surat Kelulusan dari Bahagian Pendidikan Khas bagi Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional





BAB 1

PENGENALAN



Bab satu menerangkan mengenai kajian yang akan dilaksanakan iaitu meliputi (i) pendahuluan (ii) latar belakang kajian, (iii) pernyataan masalah, (iv) tujuan kajian, (v) kerangka konseptual kajian, (vi) definisi operasional, (vii) batasan kajian, (viii) kepentingan kajian dan (ix) rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkembangan pendidikan khas di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif seawal tahun 1920-an dengan pembukaan sekolah khas bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan oleh golongan





sukarelawan. Perkembangan ini bermula daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet yang telah mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979. Hasil daripada perakuan ini, (i) pendidikan inklusif telah bermula, (ii) penubuhan Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas), (iii) peluang pendidikan dan pekerjaan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan (iv) kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan murid berkeperluan khas (Mohd Zuri & Aznan, 2013). Kerajaan seterusnya telah mewujudkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 yang telah diwartakan oleh kerajaan pada tahun 2012. Peraturan ini menggantikan peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 Bahagian II 3(2) (Warta Kerajaan Persekutuan, 2013). Negara-negara di dunia termasuk di Asia telah memulakan Program Pendidikan Khas bertitik tolak daripada saranan dan gesaan deklarasi di peringkat antarabangsa. Deklarasi yang menjadi dasar kepada pendidikan khas di Malaysia adalah *The Framework for Action on Special Needs Education* (Deklarasi Salamanca) 1994 (Lee & Low, 2014). *No Child Left Behind* (NCLB) merujuk kepada *No Child Left Behind Act*, 2001. Undang-undang persekutuan yang diluluskan di bawah pentadbiran George W. Bush. NCLB mewakili undang-undang yang cuba untuk memberikan pendidikan untuk semua (Hayes, 2006).

Pendidikan Teknikal dan Vokasional mula bertapak di Malaysia sekitar tahun 1900. Teras utama kepada pendidikan ini ialah menyediakan program khusus untuk latihan berunsurkan kemahiran (Mohamad Noor & Ramlee, 2016). Pada tahun 1930, Sekolah Perdagangan yang bertujuan untuk memberi pendidikan kepada anak muda telah ditubuhkan dan seterusnya diperluaskan ke Ipoh, Johor Bahru dan didirikan di Pulau Pinang pada tahun 1932. Sekolah





perdagangan menawarkan latihan asas pertukangan, pembaikan jentera, pendawaian elektrik dan bangunan. Selepas kemerdekaan, kerajaan mula memberi tumpuan yang meluas terhadap pendidikan teknikal dan vokasional (PTV), seperti yang telah dinyatakan dari Rancangan Malaysia Pertama 1965-1970 sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010-2015 (Mohamad Sattar, Zool Hilmi, Norzaini & Rose Amnah, 2015).

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperluaskan lagi kualiti laluan pendidikan bermula dengan pendidikan vokasional. Hal ini telah dinyatakan di dalam anjakan satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2012). Pendidikan vokasional bagi murid yang kurang upaya pembelajaran dimulakan pada tahun 2002 dalam Program Pendidikan Khas yang melibatkan murid dengan kecacatan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah, di mana komponen pra-vokasional adalah salah satu daripada lima bidang dalam kurikulum. Kurikulum dalam komponen pra-vokasional terdiri daripada memasak, menjahit, pertanian, perdagangan, laundry dan perikanan (Noraini, Mohd Hanafi, Abang Adam & Nur Aishah, 2015). Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam mengurus tadbir Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional bagi menyediakan peluang pendidikan bagi murid kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran dan bermasalah pembelajaran (Norfishah, 2017). Sehingga tahun 2017, terdapat empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) yang menawarkan pendidikan vokasional kepada murid berkeperluan khas (MBK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).





Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) telah mewujudkan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bagi menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi, berkebolehan untuk bekerja dan diterima dalam pasaran semasa serta dapat membantu membangunkan ekonomi negara serta menyediakan akses dan ekuiti pendidikan kepada semua murid seiringan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat membentuk individu secara holistik termasuk murid berkeperluan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Murid Berkeperluan Khas (MBK) ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai (i) ketidakupayaan penglihatan, (ii) ketidakupayaan pendengaran, (iii) ketidakupayaan pertuturan, (iv) ketidakupayaan fizikal, (v) masalah pembelajaran atau (vi) mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau (vii) ketidakupayaan dan masalah yang telah disebut (Bahagian Pendidikan Khas, 2013).

Masalah pembelajaran adalah istilah umum yang merujuk kepada gangguan-gangguan yang jelas semasa mendengar, bertutur, membaca, menulis, menaakul, atau kebolehan matematik. Gangguan ini adalah berbeza-beza terhadap individu, berlaku disebabkan gangguan sistem saraf pusat dan mungkin berlaku sepanjang hayat. Masalah dalam mengawal tingkah laku sendiri, tingkah laku sosial dan interaksi sosial mungkin wujud. Masalah pembelajaran juga wujud bersama-sama masalah lain seperti gangguan deria, ketidakupayaan intelektual dan gangguan emosi (Gartland & Strosnider, 2017). Masalah pembelajaran spesifik juga termasuklah keadaan seperti kecelaruan berfikir,





kecederaan otak, disfungsi otak minimal, disleksia, dan aphasia (Cortiella & Horowitz, 2014). Murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran juga bijak dan berkebolehan, masyarakat boleh menjadi pemangkin semangat mereka dalam meningkatkan kepercayaan dan minat terhadap pendidikan untuk mencapai kejayaan (Belson, 2013).

Program Operasi Pengemasan (*Housekeeping Operations* HT-050-3:2012) adalah komponen kemahiran vokasional yang dijalankan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang digubal oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. SKPK merupakan dokumen yang menggariskan kecekapan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai tahap kecekapan yang diperlukan. Bahan pembelajaran yang merupakan dokumen utama di pusat-pusat bertauliah yang menjalankan Sijil Kemahiran Malaysia adalah Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Materials*) (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013b).

Murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (MBPK BP) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) yang telah lulus mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu hingga tahap tiga mengikut program yang diikuti. Pensijilan ini dikeluarkan oleh Jabatan Kemahiran Pembangunan (JPK), Kementerian Sumber Manusia (Anizam, Manisah & Amla, 2014).





Murid yang mempunyai masalah pembelajaran mempunyai kapasiti ingatan yang lebih rendah dari biasa serta tidak boleh menyimpan maklumat terlalu lama (Sausa, 2016). Penggunaan teknologi di dalam kelas meningkatkan semangat dan keseronokan di kalangan guru dan murid (Alf, 2015). Pengetahuan dan pengalaman guru perlu dipertingkatkan terutama bagi menguruskan PdP murid berkeperluan khas (Norakyairee, Mohd Nur Adzam, Norazman, Norhasnira, Norullisza dan Noornajihan, 2013).

Berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa kerajaan mengambil serius berkaitan pendidikan murid berkeperluan pendidikan khas di Malaysia sejak sebelum merdeka lagi, di mana pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran telah lama diberi perhatian. Namun begitu, setiap kategori murid memerlukan perhatian khusus bagi memastikan ilmu yang disampaikan semasa PdP dapat diterima oleh murid ini sepenuhnya. Penggunaan bahan bantu mengajar yang tepat dengan memfokuskan kepada penggunaan multimedia semasa PdP dilihat perlu sebagai usaha membantu murid menguasai kemahiran yang ingin diterapkan. Modifikasi yang dibuat bersesuaian dengan tahap kognitif MBPK MP yang akan menekankan kepada penumpuan semasa PdP.

Penumpuan diberikan kepada kemahiran mengemas katil berdasarkan keperluan semasa dalam pengajaran oleh guru. Kemahiran mengemas katil adalah antara aktiviti kerja yang sangat relevan dengan program operasi pengemasan. Program operasi pengemasan yang diwujudkan dalam pendidikan





vokasional meliputi semua peringkat murid termasuklah MBPK MP bertujuan menyediakan tenaga pekerja berkemahiran tinggi selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012. Pendidikan vokasional dapat memberi impak yang besar dalam kehidupan MBPK MP melalui bidang kemahiran yang disediakan seperti operasi pengemasan.

Justeru, bagi murid berkeperluan khas yang mempunyai masalah pembelajaran, penambahbaikan dan modifikasi tanpa mengganggu silibus sedia ada Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) dilihat perlu untuk memudahkan MBPK MP mengikuti PdP. Modul asal iaitu Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) turut digunakan oleh murid normal yang mengikuti program ini di semua pusat bertauliah JPK. Bagi murid normal, kandungan modul tidak menimbulkan masalah kerana tahap kognitif dan *Intelligent Quation* (IQ) yang normal. Walau bagaimanapun, bagi MBPK MP, kandungan modul tidak setaraf dengan daya kognitif dan *Intelligent Quation* (IQ) murid. Kajian ini merupakan satu usaha pengkaji untuk memodifikasi modul sedia ada dalam membantu MBPK MP menguasai kemahiran mengemas katil. Multimedia interaktif menggunakan persembahan *power point* dipilih sebagai elemen yang akan membantu mencapai objektif modul.

1.3 Pernyataan Masalah

Murid bermasalah pembelajaran menghadapi masalah dalam memproses dan mengekalkan maklumat serta sering menghadapi masalah tumpuan dalam kelas





(Wan Fatin Fatimah & Noor Maizura, 2015). Murid bermasalah pembelajaran adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan pengekal tumpuan yang singkat dan kesukaran untuk memastikan pelajaran yang disampaikan diperolehi dengan kadar sepatutnya (Manisah & Norizza, 2016). Pengurusan tingkah laku berperanan membantu guru pendidikan khas menangani masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (Noor Aini & Norhafizah, 2015). Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran adalah apabila murid mampu memberi sepenuh perhatian dan respons yang baik di dalam kelas. Murid bermasalah pembelajaran akan menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah atau aktiviti yang melibatkan susunan atau prosedur (Mohd Zuri, Aznan & Zainuddin, 2014).



Mengamalkan gaya pengajaran berasaskan multimedia menggalakkan sikap belajar murid (Weng, Hann, Rong & Chin, 2019). Penggunaan teknologi di dalam kelas meningkatkan semangat dan keseronokan di kalangan guru dan murid, walaupun bagaimanapun kesan positif ini akan pudar jika penggunaan teknologi yang digunakan telah menjadi kebiasaan kepada guru dan murid (Wong, 2015). Penggunaan peranti elektronik dan kandungan multimedia dilihat dapat meningkatkan minat mereka di dalam pembelajaran dan tumpuan (López, Fórtiz, Luisa, Almendros & Segura, 2013).

Dalam melaksanakan pendidikan khas kepada murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran boleh diubah suai oleh guru yang mengajar dengan berpanduan





Kurikulum Pendidikan Khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2013). Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas 2013) telah diimplimentasikan pada julai 2013 bagi menggantikan peraturan-peraturan pendidikan khas 1997 (Lay & Hui, 2014). Bagi mencapai akses kepada pendidikan, orang kurang upaya tidak boleh didiskriminasikan serta tidak boleh dikecualikan (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Guru menyatakan bahawa sumber untuk menarik perhatian murid-murid berkeperluan khas adalah terhad dan mereka percaya teknologi edutainment seperti penggunaan multimedia, *augmented reality*, perisian pendidikan berasaskan permainan dan projek-projek animasi adalah sumber yang terbaik (Anuar, Daniel, Wah & Kamarulzaman, 2014).



Penggunaan multimedia dapat mewujudkan pembelajaran menyeronokkan (Abdul Rasid & Hasmah, 2013). Perbezaan tahap pencapaian murid menyebabkan modul dicipta (Sidek & Jamaludin, 2017). Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan khas) 2013 menyatakan seseorang guru dibenarkan membuat pengubahsuaian kepada kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran berpandukan kurikulum pendidikan khas dalam usaha menangani permasalahan tumpuan singkat MBPK MP.

Analisis data peperiksaan akhir tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan Dalaman Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional menunjukkan peratus pencapaian penilaian teori murid bermasalah pembelajaran bagi program Operasi Pengemasan di bawah tajuk prosedur mengemas katil tetamu adalah sangat rendah iaitu tidak melebihi 50 peratus bagi setiap murid (Unit Peperiksaan Dalaman SMPKV, 2017). Modul asal yang digunakan oleh





murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran di SMPKV adalah modul yang sama digunakan oleh murid aliran normal. Modul asal disediakan berpandukan keperluan industri dan bidang pekerjaan yang memerlukan tumpuan yang tinggi daripada murid. Justeru, penggunaan modul modifikasi *MakeUpBed* yang memberi penekanan penggunaan multimedia terhadap MBPK MP bagi Program Operasi Pengemasan ini adalah wajar untuk menyelesaikan masalah tumpuan singkat di kalangan murid dan seterusnya meningkatkan tahap kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

Kajian ini merupakan langkah tepat dalam membantu meningkatkan kemahiran mengemas katil tetamu bagi MBPK MP yang mengikuti program vokasional di SMPKV. Usaha memodifikasikan modul sedia ada perlu diambil bagi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mengemas katil tetamu. Melalui penggunaan modul *MakeUpBed* yang akan dibangunkan, diharap MBPK MP dapat meningkatkan tumpuan dalam PdP teori seterusnya lebih berkeyakinan untuk menyertai dunia pekerjaan dalam bidang yang dipelajari setelah menamatkan sesi persekolahan. Menurut Anizam et al (2014) 69 orang lepasan sekolah vokasional telah mempunyai kerjaya dengan 24 orang daripada mereka bekerja di dalam bidang yang sama semasa mengikuti program di SMPKV.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menguji modul modifikasi Operasi Pengemasan (*MakeUpBed*) terhadap kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang mengikuti Program Operasi Pengemasan di SMPK Vokasional.

1.4.1 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, pengkaji menggariskan empat objektif kajian iaitu:-

1. Menilai tahap keperluan memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP;
2. Menilai tahap kesahan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP;
3. Menilai tahap kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP; dan
4. Menilai keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran



1.4.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang digariskan, empat persoalan kajian telah diutarakan iaitu:-

1. Apakah tahap keperluan memodifikasi Modul Operasi Pengemasan bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?
2. Apakah tahap kesahan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?
3. Apakah tahap kebolehpercayaan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan MBPK MP?
4. Apakah tahap keberkesanan Modul *MakeUpBed* bagi meningkatkan kemahiran mengemas katil bilik tetamu dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran?

1.4.3 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian ke empat, terdapat empat hipotesis null (H_0) yang telah dikemukakan iaitu:





Ho1 Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pra kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;

Ho2 Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dalam ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;

Ho3 Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu kumpulan rawatan; dan

Ho4 Tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca kemahiran mengemas katil tetamu kumpulan kawalan.



1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang di jelaskan dengan menggunakan gambar rajah grafik (Ghazali & Sufean, 2018). Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bersandar yang digunakan ialah penguasaan kemahiran mengemas katil tetamu dalam kalangan MBPK MP, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah pengajaran dan pembelajaran menggunakan modifikasi Modul *MakeUpBed* serta pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah kawalan.





Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Teori yang digunakan sebagai asas dalam kajian ini ialah Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner (1983). Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada kecerdasan kinestetik badan yang berkait dengan kemahiran mengemas katil tetamu. Aktiviti yang disusun di dalam Modul *MakeUpBed* adalah selari dengan model gaya pembelajaran VAK (Visual, Auditori dan Kinestetik) yang memfokuskan kepada gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

Bahan pengajaran bertulis (WIM) Operasi pengemasan (HT-050-3:2012) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, dijadikan rujukan dalam menjalankan proses pembinaan modul, pengkaji memilih untuk menggunakan Model Reka bentuk Instruksional ADDIE sebagai langkah dalam membina modul. Seterusnya, Modul *MakeUpBed* yang telah sedia akan di uji ke atas murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang mengikuti program Operasi Pengemasan di SMPKV. Selepas 12 minggu rawatan, murid yang mengikuti eksperimen ini diharap akan dapat meningkatkan kemahiran mengemas katil.





1.5.1 Teori Pelbagai Kecerdasan

Kecerdasan ialah kebolehan menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu berdasarkan persekitaran dan kebolehan individu tersebut. Terdapat lapan kecerdasan yang telah dicatatkan iaitu (i) kecerdasan logik-matematik, (ii) kecerdasan bahasa-linguistik, (iii) kecerdasan muzikal (iv) kecerdasan visual-ruang spartial, (v) kecerdasan kinestetik badan (vi) kecerdasan interpersonal (vii) kecerdasan Intrapersonal dan (viii) naturalis. Teori ini menunjukkan bahawa kecerdasan individu boleh ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan (Gardner, 2011). Setiap individu dilahirkan dengan pelbagai jenis kecerdasan dan dapat dipertingkatkan melalui pendidikan yang sesuai, media yang pelbagai serta sokongan yang baik. Dalam erti kata lain, jenis kecerdasan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam kehidupan individu (Gardner, 1993).

Persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh diwujudkan jika guru dapat mengenal pasti gaya pembelajaran murid yang berbeza-beza (Noor Dayana, Amir, Mahani & Abdul Halim, 2016). Dalam konteks kajian ini, MBPK MP mempunyai masalah untuk menumpukan perhatian dalam jangka masa yang panjang serta mempunyai masalah menyelesaikan aktiviti yang melibatkan prosedur dan susunan. Oleh itu, bimbingan berterusan harus diberikan berdasarkan keupayaan murid sehingga mereka mencapai tahap kecerdasan yang diinginkan berpandukan Modul *MakeUpBed* yang akan dilaksanakan ke atas murid dari Program Operasi Pengemasan. Kecerdasan murid MBPK MP berbeza-beza di antara setiap individu. Justeru, kecerdasan





setiap murid terutama kecerdasan kinestetik badan perlu dicungkil bagi meningkatkan kemahiran dalam mengemas katil tetamu. Menggunakan pergerakan motor sebagai sebahagian dari proses belajar, dapat membantu murid belajar dengan lebih baik.

1.5.2 Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (V.A.K)

Pembelajaran berlaku secara semulajadi dan sering berlaku tanpa disedari (Pitchard, 2014). Gaya pembelajaran VAK (visual, auditori, kinestetik) adalah salah satu daripada gaya pembelajaran di mana pelajar menggunakan tiga persepsi deria untuk menerima maklumat. Guru boleh mengaplikasikan ketiga-tiga gaya belajar ini bagi memaksimumkan pencapaian murid yang mengikuti program (Radhwan & Dhia, 2016).

Gaya pembelajaran auditori mementingkan arahan lisan atau melalui sebutan ayat yang jelas. Murid dengan Gaya pembelajaran kinestetik akan belajar dengan baik apabila berpeluang melakukan sendiri aktiviti yang diajar oleh guru (Fleming, 2001). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan ketiga-tiga gaya pembelajaran ini sebagai asas kerangka dalam modul yang akan dibangunkan bagi membantu meningkatkan tumpuan dan pencapaian murid. Penggunaan ketiga-tiga gaya pembelajaran VAK akan menjadikan strategi belajar yang digunakan menjadi lebih baik. Guru perlu menggalakkan murid untuk mengenal pasti dan menetapkan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka melalui bantuan guru (Tengku Ismadi, 2015).





Ketiga-tiga elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran V.A.K diterapkan dalam PdP menggunakan Modul *MakeUpBed* dengan tujuan untuk meningkatkan tumpuan murid. Gaya visual diaplikasikan pada penggunaan persembahan *power point*, gaya auditori pula digunakan semasa kaedah syarahan guru dan gaya kinestatik diaplikasikan semasa kaedah demonstrasi dan eksplorasi dijalankan.

1.5.3 Modul Operasi Pengemasan (HT-050-3: 2012)

Kerangka Konseptual Kajian ini juga menunjukkan penggunaan modul asal iaitu Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) sebagai asas kepada modifikasi modul yang akan dilakukan tanpa mengubah kandungan dan prosedur operasi standard yang terkandung di dalamnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) modifikasi bermaksud proses mengubah sedikit sesuatu supaya sesuai dengan keperluan yang dikehendaki. Dapatan analisa menunjukkan tajuk yang mendapat nilai min tertinggi ialah dari kompetensi unit (CU) 01 Persediaan Bilik Tetamu (*Guest Room Preparations*) dengan sub aktiviti kerja (WA) 05 *Make Up Guest Bed*. Kompetensi unit 01 mengandungi lapan sub aktiviti kerja keseluruhannya.

Daripada lapan sub aktiviti kerja *Make Up Guest Bed*, satu aktiviti kerja sahaja diambil untuk dijadikan modul bagi kajian ini. Guru yang terlibat dengan tinjauan telah memilih tajuk yang perlu dimodifikasi melalui tinjauan keperluan yang dijalankan. Guru yang mengajar juga berminat untuk melihat implimentasi





tajuk ini setelah dimodifikasi selain tajuk ini merupakan tajuk penting yang perlu dikuasai oleh murid dalam program Operasi Pengemasan. Penggunaan modul asal sebagai asas sangat penting untuk memandu arah modul *MakeUpBed* dari segi kandungan yang akan dibangunkan.

1.5.4 Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE

Jadual 1.1 menunjukkan proses yang perlu diikuti dalam membina Modul *MakeUpBed* berdasarkan model reka bentuk instruksional ADDIE. Model ADDIE digunakan sebagai panduan dalam membangunkan modifikasi Modul *MakeUpBed*. Terdapat lima proses yang perlu diikuti mengikut model ini iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Proses analisis melibatkan lima langkah yang mesti diikuti iaitu proses melibatkan konsep mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid seperti mengenalpasti jurang permasalahan, menetapkan tujuan, mengenalpasti sampel kajian yang terlibat, mengenalpasti lokasi kajian dan menulis kertas cadangan.

Proses kedua melibatkan proses reka bentuk iaitu menentukan objektif yang ingin dicapai dan menentukan kaedah penilaian yang akan dijalankan. Proses ini menentukan alat ukur serta menentukan kaedah penilaian yang akan digunakan. Proses pembangunan modul melibatkan proses membangunkan atau menghasilkan produk yang akan diaplikasikan dengan menggunakan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk. Proses ini melibatkan pembinaan




kandungan modul, memilih media sokongan, membangunkan panduan guru serta membangunkan buku tugas murid. Proses pelaksanaan melibatkan proses menyediakan persekitaran pembelajaran bagi menguji modul yang telah dibangunkan dan akan melibatkan murid melalui kajian rintis dan kuasi eksperimen. Manakala proses penilaian pula melibatkan proses menilai hasil Modul *MakeUpBed* yang telah dibangunkan menggunakan alat yang ditetapkan

Jadual 1.1

Reka Bentuk Modul Berdasarkan Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE

Bil	Proses	Konsep	Prosedur
1.	Analisis (<i>Analyze</i>)	Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid	1. Mengenal pasti jurang permasalahan. 2. Menetapkan tujuan. 3. Mengenal pasti sampel kajian yang terlibat. 4. Mengenal lokasi kajian. 5. Menulis kertas cadangan.
2.	Reka bentuk (<i>Design</i>)	Menentukan objektif yang ingin dicapai dan kaedah penilaian yang akan dijalankan.	5. Menentukan alat ukur modul. 6. Menentukan objektif yang ingin dicapai. 7. Menentukan kaedah penilaian.
3.	Pembangunan (<i>Develop</i>)	Membangunkan atau menghasilkan produk yang akan diaplikasikan dengan menggunakan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk	8. Membina kandungan modul. 9. Memilih media sokongan. 10. Membangunkan buku aktiviti murid. 11. Membangunkan panduan untuk guru.
4.	Pelaksanaan (<i>Implement</i>)	Menyediakan persekitaran pembelajaran dan melibatkan murid	12. Kajian rintis. 13. Kuasi eksperimen.
5.	Penilaian (<i>Evaluation</i>)	Menilai modul yang dihasilkan	14. Menentukan kriteria penilaian. 15. Memilih alat penilaian. 16. Menjalankan penilaian.

Jadual diadaptasi dari Branch, (2009).



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian Membina dan Menguji Modul Modifikasi Operasi Pengemasan (*MakeUpBed*) bagi Membantu Murid Bermasalah Pembelajaran Meningkatkan Kemahiran Mengemas Katil Tetamu



1.6 Definisi Operasional

Definisi operasional bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini hanya merujuk dalam konteks kajian ini sahaja. Bagi memastikan pemahaman pembaca sama ada di pihak penyelidik atau pembaca hanya meliputi dalam konteks kajian ini sahaja maka penjelasan berkaitan istilah yang digunakan dalam kajian ini perlu diberikan. Istilah yang digunakan juga bertujuan untuk memastikan kajian ini bersifat terarah dan dapat mencapai objektif yang telah disenaraikan. Definisi operasional yang digunakan bagi kajian ini ialah (i) kemahiran mengemas katil bilik tetamu, (ii) Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012), (iii) modul *MakeUpBed* dan (iv) murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran.



1.6.1 Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Dalam konteks kajian ini, kemahiran mengemas katil merujuk kepada kemahiran yang akan dinilai peningkatannya dengan menggunakan modul *MakeUpBed*. Kemahiran mengemas katil adalah sebahagian daripada Kompetensi Unit 01 *Guest Rooms Preparations* di bawah aktiviti kerja (WA) *Make up Guest Bed* yang terkandung dalam modul Operasi Pengemasan HT-050-3:2012.





1.6.2 Program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012)

Program Operasi Pengemasan dengan kod program HT-050-3:2012 adalah salah satu program di bawah sub sektor pengemasan (*housekeeping*) yang didaftarkan dibawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (Bahagian NOSS, JPK, 2014). secara khususnya menawarkan kursus dalam bidang hospitaliti berlandaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang digubal oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013a).

Dalam konteks kajian ini, program Operasi Pengemasan adalah salah satu kursus yang ditawarkan kepada MBPK MP di SMPKV. Murid akan mengikuti kursus ini berdasarkan SKPK yang telah ditetapkan dalam tempoh dua hingga tiga tahun berdasarkan pengurusan sekolah. PdP akan disampaikan menggunakan Bahan Pengajaran Bertulis (*Written Instructional Materials-WIM*). WIM boleh dikelaskan kepada dua bahagian iaitu (i) bahan pengajaran dan (ii) bahan pembelajaran. Bahan Pengajaran disediakan oleh pengajar untuk pengajar dan dibahagikan kepada lima iaitu (i) Pelan Mengajar Teori dan (ii) Pelan Mengajar Amali. Bahan Pembelajaran disediakan untuk murid dan terbahagi kepada (i) Kertas Penerangan, (ii) Kertas Tugas, (iii) Kertas Kerja, (iv) Penilaian Teori dan (v) Penilaian Amali. Terdapat lapan unit kompetensi (CU) yang mesti dihabiskan dalam tempoh pengajian.





1.6.3 Modul *MakeUpBed*

Modul ialah satu cara pengajaran dan pembelajaran berkaitan sesuatu topik tertentu yang dipilih secara sistematik dan tersusun (Jamaludin Ahmad, 2017). Dalam konteks kajian ini, Modul *MakeUpBed* merujuk kepada modul modifikasi yang dibina dan diuji berdasarkan modul asal yang sedia ada berdasarkan bahan pengajaran bertulis (WIM) modul Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Modul ini dimodifikasi bagi membantu meningkatkan kemahiran mengemas katil dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Tajuk yang meliputi modul ini ialah *Make Up Guest Beds* dari aktiviti kerja (WA) yang kelima di bawah kompetensi unit (CU) 01 *Guest Rooms Preparations*. Modul *MakeUpBed* akan diuji ke atas murid di dalam kumpulan rawatan. Keberkesanan penggunaan modul *MakeUpBed* akan ditentukan dengan melihat peningkatan skor dalam ujian pasca yang akan dijalankan.

1.6.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Masalah pembelajaran dikategorikan kepada lewat perkembangan global, Sindrom Down, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Defisit Hiperactivity Disorder* (ADHD), Masalah pembelajaran spesifik seperti disleksia, diskalkulia dan disgrafia serta terencat akal (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Di Malaysia pendidikan khas merujuk kepada tiga kategori iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran dan masalah pembelajaran



(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dalam konteks kajian ini, istilah murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran merujuk kepada murid dari kategori ketidakupayaan masalah pembelajaran yang sedang mengikuti program Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) di SMPKV. Tempoh pendidikan yang akan diikuti di SMPKV adalah selama dua hingga tiga tahun berdasarkan pengurusan sekolah. Murid akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia tahap tiga dari Jabatan Pembangunan Manusia, Kementerian Sumber Manusia setelah lulus kesemua lapan Unit Kompetensi yang telah ditetapkan.

1.7 Batasan Kajian

Pengkaji menyenaraikan empat batasan kajian yang telah dikenal pasti di dalam kajian iaitu batasan (i) kemahiran mengemas katil (ii) kandungan modul (iii) murid khas bermasalah pembelajaran dan (iv) penggunaan elemen multimedia interaktif.

1.7.1 Kemahiran Mengemas Katil Tetamu

Dalam konteks kajian ini, batasan kemahiran mengemas katil merujuk kepada keterbatasan kemahiran yang diuji di dalam modul. Modul *MakeUpBed* yang dibangunkan hanya memfokuskan kepada kemahiran mengemas katil bilik tetamu. Kemahiran mengemas katil tetamu adalah salah satu aktiviti kerja dalam kompetensi unit 01: *Guest rooms preparations* yang terdapat di dalam Program



Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012). Lapan aktiviti kerja di bawah Kompetensi Unit 01 iaitu (i) menentukan keperluan persediaan bilik tetamu-*determine guest room preparations requirements*, (ii) menyediakan aktiviti dan peralatan pembersihan-*prepare cleaning equipment and activities*, (iii) memasuki bilik tetamu-*access guest rooms*, (iv) menjalankan tugas permulaan-*carry out beginning task*, (v) mengemas katil tetamu-*make up guest bed*, (vi) menjalankan pembersihan bilik-*carry out room cleaning*, (vii) menjalankan pembersihan bilik air tetamu-*carry out bathroom cleaning* dan (viii) menjalankan persediaan shift seterusnya-*carry out next shift duty preparations*. Kajian ini hanya dibataskan kepada kemahiran dari aktiviti kerja (v) iaitu mengemas katil tetamu-*make up guest bed*. Hanya kemahiran ini sahaja yang akan diuji tahap peningkatannya di dalam modul *MakeUpBed* yang dibina dan kandungan modul adalah berdasarkan dapatan tinjauan keperluan modifikasi modul yang telah dijalankan ke atas 34 orang guru yang mengajar Program Operasi Pengemasan.

1.7.2 Kandungan Modul

Dalam konteks kajian ini, batasan kandungan modul *MakeUpBed* bermaksud modul dibina berdasarkan satu unit kompetensi sahaja iaitu *Guest Room Preparations* dengan sub aktiviti kerja (WA) *Make Up Guest Bed*. Bahan Panduan Bertulis (WIM) Operasi Pengemasan mengandungi lapan kompetensi unit yang utama iaitu (i) persediaan bilik tetamu-*guest room preparations*, (ii) perkhidmatan tetamu operasi pengemasan-*housekeeping guest services*, (iii)





kawasan awam dan baik pulih fasiliti-*public area and facilities maintenance*, (iv) perkhidmatan laundry dan linen-*laundry and linen services*, (v) perkhidmatan VIP operasi pengemasan-*housekeeping VIP services*, (vi) pemeriksaan kualiti operasi pengemasan-*housekeeping quality inspections*, (vii) kawalan stok dan inventori operasi pengemasan-*housekeeping inventory and stock control* dan (viii) pengurusan staf operasi pengemasan-*housekeeping staff Administrations*.

Lapan unit kompetensi (CU) ini mesti diselesaikan dalam tempoh pengajian. Pemilihan tajuk modul dibuat setelah analisis keperluan modul dijalankan. Hal ini bermakna modul yang akan diuji terhadap MBPK MP adalah berdasarkan kepada kandungan yang terdapat di dalam aktiviti kerja (WA) 05 dari kompetensi unit 01 sahaja. Bahan pembelajaran yang disediakan untuk murid dalam modul asal terbahagi kepada (i) Kertas Penerangan, (ii) Kertas Tugas, (iii) Kertas Kerja, (iv) Penilaian Teori dan (v) Penilaian Amali. Bahan pengajaran untuk guru bagi membantu dalam pengajaran dan pembelajaran terbahagi kepada (i) Pelan Mengajar Teori dan (ii) Pelan Mengajar Amali. Dalam konteks kajian ini, isi kandungan modul *MakeUpBed* dibataskan hanya kepada pelan mengajar teori Operasi Pengemasan sahaja.

1.7.3 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Dalam konteks kajian ini, batasan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran bermaksud modul yang dibina hanya dibataskan kepada MBPK MP





yang mengikuti program operasi pengemasan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional sahaja.

1.7.4 Penggunaan Elemen Multimedia Interaktif

Dalam konteks kajian ini, batasan penggunaan elemen multimedia interaktif bermaksud kajian ini hanya menggunakan persembahan *power point* sebagai elemen multimedia interaktif. Persembahan dalam bentuk multimedia interaktif *power point* hanya dibataskan semasa slot kuiz sahaja.



Hasil pembinaan dan pengujian modul yang akan dijalankan ini berperanan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak berwajib yang terlibat dalam bidang pendidikan vokasional seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru, ibu bapa dan murid.

1.8.1 Kepentingan terhadap KPM, BP KHAS, JPN dan PPD

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada KPM, BP KHAS, JPN dan PPD dengan menyalurkan maklumat berkenaan isu dan permasalahan yang dihadapi





oleh guru dalam mengendalikan PdP menggunakan modul sedia ada. Maklumat berkenaan dikumpul melalui soal selidik analisis keperluan modul. Maklumat ini disertakan pada Bahagian C, isu dan permasalahan pengajaran yang dihadapi oleh guru. Data ini dikutip pada fasa pertama kajian. Justeru, kajian yang dijalankan dapat memberi impak kepada KPM, JPN dan PPD kerana maklumat berkaitan isu dan permasalahan guru yang mengajar Operasi Pengemasan (HT-050-3:2012) dapat digunakan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan guru terhadap pembelajaran murid.

1.8.2 Kepentingan terhadap Pihak Sekolah dan Guru



Pihak sekolah khususnya guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional yang mengajar MBPK MP mempunyai kepentingan hasil dari pembinaan dan pengujian Modul *MakeUpBed* yang akan dijalankan. Modul *MakeUpBed* yang dibina telah memasukkan kaedah pembelajaran yang sesuai berdasarkan teori, model gaya pembelajaran dan kaedah bagi keperluan MBPK MP. Kajian ini juga berkepentingan dalam meningkatkan kemahiran mengajar, motivasi dan keyakinan di dalam PdP. Penggunaan modul oleh pihak sekolah dan guru penting dalam memastikan kemahiran yang diajar bertepatan dan memenuhi kehendak golongan sasar.





1.8.3 Kepentingan Terhadap Pihak Ibu Bapa dan Murid

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar terhadap ibu bapa yang mempunyai anak-anak bermasalah pembelajaran yang belajar di SMPKV. Melalui peningkatan kemahiran mengemas katil, ibu bapa dan murid mudah untuk membentuk laluan kerjaya setelah menamatkan persekolahan. Hasil kajian ini dapat memberikan maklumat kepada ibu bapa dan murid mengenai kepentingan penggunaan strategi pengajaran berdasarkan teori dan model gaya pembelajaran. Ibu bapa pula dapat membuat perancangan untuk anak mereka mengikut keperluan majikan pada masa sekarang yang mementingkan aplikasi kemahiran.



1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya Bab Satu menerangkan tentang pembinaan dan pengujian Modul *MakeUpBed* yang akan dijalankan terhadap MBPK MP di SMPKV. Penggunaan Modul *MakeUpBed* yang diubahsuai adalah perlu dalam memastikan kemahiran yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik. Selepas menjalani rawatan menggunakan modul ini, MBPK MP diharap dapat menguasai kemahiran mengemas katil bilik tetamu seperti yang diinginkan oleh kajian ini. Justeru, intervensi yang sesuai perlu bagi meningkatkan kemahiran MBPK MP. MBPK MP menghadapi pelbagai cabaran untuk mengikuti kemahiran yang ingin disalurkan kepada mereka disebabkan oleh kekurangan diri yang dimiliki.





Pendekatan yang tepat mampu meningkatkan keyakinan diri dan memaksimumkan pencapaian akademik MBPK MP.

